




RINGKASAN KEPUTUSAN

## MESYUARAT KABINET

- Beberapa badan kerajaan akan dibubar bagi mengelak pertindihan antara kementerian.
- Bantuan Sara Hidup (BSH) akan dibayar mengikut kelayakan sedia ada tetapi kelayakan bantuan itu akan dikaji semula. 
- Satu pasukan akan dihantar ke India untuk mengkaji idea inovatif dan kecekapan perkhidmatan awam.
- Kerajaan berpendapat adalah lebih baik tiada kapal perang ditempatkan di Selat Melaka dan Laut China Selatan.
- Pemberian wang untuk dapatkan sokongan rakyat adalah satu bentuk rasuah dan perlu dihentikan.
- Penggunaan mesin untuk tingkatkan produktiviti usahawan luar bandar selain kaedah dalam talian untuk membantu golongan usahawan kecil. 
- Mengkaji pautan antara bursa saham Malaysia dan Singapura.
- Mengkaji semula kurikulum pendidikan dari peringkat taska sehingga universiti termasuk melihat kurikulum negara-negara lain.
- Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri akan ke Tokyo, Jepun dari 10 hingga 12 Jun ini bagi menghadiri Persidangan Antarabangsa *Future of Asia Ke-24*.
- Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negara mengetuai delegasi Malaysia ke mesyuarat Majlis Pengurusan Bencana Alam Asia (ACDM) di Kuala Lumpur.
- Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Luar akan mengkaji dengan teliti tindakan susulan terhadap pihak bertanggungjawab bagi insiden pesawat MH17.
- Kementerian Kesihatan akan mengkaji opsyen Skim Peduli Sihat Nasional termasuk memberi perlindungan takaful kepada golongan berpendapatan rendah. 
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia akan selaraskan institut kemahiran bagi mengelak pembaziran dan memaksimumkan latihan.
- Satu kajian terhadap 'kanak-kanak pinggir' di flat kos rendah di Kuala Lumpur akan dilaksanakan Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga.
- Kerajaan tidak campur tangan dalam isu melibatkan Petronas dan Kerajaan Negeri Sarawak berkaitan Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA) kerana perkara tersebut dalam proses mahkamah. 